

29 DEC 1996

Mokhtar-bebas

AHMAD MOKHTAR SELAT DIBEBASKAN DARI TAWANAN GERILA TUPAC AMARU

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Duta Besar Malaysia ke Peru Encik Ahmad Mokhtar Selat telah dibebaskan awal pagi ini (waktu Malaysia) daripada tahanan oleh gerila yang menawan Kedutaan Jepun di Lima.

Ketua Canselori Nazarudin Salleh mengesahkan Ahmad Mokhtar merupakan antara 20 tebusan lagi yang dibebaskan daripada tawanan anggota Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) berfahaman komunis yang menawan kedutaan Jepun sejak 17 Dis.

Kini tinggal 83 lagi tebusan yang masih ditahan di kedutaan berkenaan.

"Beliau berjalan keluar daripada kedutaan tersebut pada pukul 5 petang (28 Dis) waktu tempatan (pukul 6 pagi waktu Malaysia)," katanya kepada Bernama ketika dihubungi menerusi telefon.

Turut dibebaskan bersama Ahmad Mokhtar ialah Duta Republik Dominica Jose Diaz Baldeparres dan beberapa orang ahli perniagaan Peru.

Nazarudin berkata keadaan kesihatan Ahmad Mokhtar adalah baik dan beliau kini berada di kedutaan Malaysia.

Katanya Ahmad Mokhtar telah berjumpa dengan anggota keluarganya sejeurus selepas dibebaskan.

Beliau juga ditemui oleh diplomat Jepun dan wartawan, tambahnya.

Katanya persediaan sedang dilakukan untuk Ahmad Mokhtar dan keluarga pulang ke Malaysia secepat mungkin untuk berehat.

Ahmad Mokhtar dibebaskan kira-kira lima jam selepas Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berlepas pulang ke tanahair dari Lima setelah berjumpa dengan Presiden Alberto Fujimori.

Beliau diarahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyampaikan pandangan berat Malaysia terhadap penahanan tebusan di kedutaan Jepun termasuk ke atas Ahmad Mokhtar.

Sementara itu kerajaan Malaysian menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan Peru dan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) kerana berjaya mendapatkan kebebasan Ahmad Mokhtar yang merupakan antara lebih 500 tebusann gerila Tupac Amaru yang menduduki kediaman Duta Jepun itu.

Abdullah dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata kerajaan juga berterima kasih kepada semua rakyat Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Malaysia dan pihak media di atas bantuan mereka di saat-saat genting itu.

"Sokongan dan doa mereka telah menjadi sumber kekuatan kepada ahmad Mokhtar dan keluarganya semasa kesusahan mereka itu.

"Bagi pihak Kementerian Luar saya juga ingin menyatakan terima kasih kepada Ketua Setiausaha Kerajaan dan pegawai-pegawai agensi-agensi kerajaan yang lain yang telah memberi sokongan dan kerjasama kepada Wisma Putra di saat-saat kesusahan ini." katanya

Abdullah berkata dengan pembebasan Ahmad Mokhtar, Malaysia berharap krisis itu akan diselesaikan dengan segera dan semua tebusan dibebaskan. --

BERNAMA

ZKS WAT